

PRESERVATION OF ISLAM (HIFZ AL-DIN) IN FEDERAL CONSTITUTION OF MALAYSIA

PEMELIHARAAN AGAMA ISLAM (HIFZ AL-DIN) DALAM PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN MALAYSIA

Nurul Faezah Md Ahairi, Zuliza Mohd Kusrinⁱⁱ & Muhammad Nazir Aliasⁱⁱⁱ

ⁱ Pelajar Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. p95429@siswa.ukm.edu.my

ⁱⁱ (*Corresponding author*). Professor Madya, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. zuli@ukm.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. nazir@ukm.edu.my

Abstract	<p><i>Islam possessed its special position in Federal Constitution of Malaysia. The question is whether the provisions of Islam provided in the provision is consistent with the theory of hifz al-din . The objective of this study is to analyse the theory of hifz al-din and the provisions related to Islam that specified in Federal Constitution. This is a qualitative study method that apply document analysis as a research design such as evidences from Islamic Law sources, statute, cases, thesis, and related articles. The collected data analysed in descriptive and thematic form. This study found the provisions related to Islamic religious affairs provided in Federal Constitution of Malaysia are preserved in accordance with maqasid hifz al-din in Islam. Those provisions have preserved the position of Islamic religion in the aspect of administration, judiciary, belief and practice of religion of Islam in Malaysia.</i></p> <p>Keywords: <i>Hifz Al-Din, Freedom, Religion, Constitution, Maqasid al-Shari'ah.</i></p>
Abstrak	<p><i>Islam mempunyai kedudukan yang istimewa dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Persoalannya ialah sama ada peruntukan berkaitan agama Islam yang termaktub dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan selari dengan teori hifz al-din menurut maqasid shari'ah. Objektif kajian ini mengulas teori hifz al-din serta menganalisis peruntukan-peruntukan berkaitan agama Islam yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan. Kajian ini menggunakan metod kualitatif yang berbentuk analisis dokumen dengan menganalisis dalil-dalil syarak, statut, kes, tesis dan artikel yang berkaitan. Data terkumpul dianalisis pula secara diskriptif dan tematik. Kajian ini mendapati peruntukan berkenaan hal ehwal agama Islam yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia adalah selaras dengan maqasid hifz al-din menurut agama Islam. Peruntukan Perlembagaan Persekutuan didapati memelihara kedudukan agama Islam dalam aspek pentadbiran, kehakiman, aqidah serta amalan ibadah agama Islam di Malaysia.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Hifz Al-Din, Beragama, Kebebasan, Perlembagaan, Maqasid al-Shari'ah.</i></p>

PENDAHULUAN

Islam mengkhususkan satu penjagaan terhadap agama Islam agar ia terpelihara dan dapat mencapai tujuan syariat. Para ulama menamakan tujuan ini sebagai *hifz al-din*. *Hifz al-din* atau memelihara agama adalah salah satu daripada lima tujuan *shari'at dharuriyyah* atau *maqasid al-shari'ah al-dharuriyyah*. *Al-maqasid al-dharuriyyah* terbahagi kepada lima bahagian iaitu menjaga agama, nyawa, keturunan, harta dan akal (al-Syatibi 1997).

Islam adalah sebuah agama yang syumul, berperanan memelihara segenap aspek kehidupan orang Islam dan juga bukan Islam. Islam juga merupakan agama yang bersifat *rahmatan lil 'alamin* yang terbuka kepada semua golongan. Namun begitu, prinsip-prinsip asas ajaran Islam mestilah tidak dipinggirkan semata-mata untuk memelihara kepentingan golongan bukan Islam. Oleh itu prinsip Islam sebagai agama *rahmatan lil 'alamin* ialah memelihara agama Islam dalam konteks *maqasid shari'ah*.

Agama Islam telah diiktiraf sebagai agama Persekutuan Malaysia, menunjukkan Islam mempunyai kedudukan istimewa dalam lanskap pentadbiran di Malaysia. Beberapa peruntukan Perlembagaan Persekutuan Malaysia seperti Perkara 11(4) menjelaskan tentang penjagaan aqidah umat Islam, dengan memperuntukkan bahawa menjadi suatu kesalahan menyebarkan ajaran agama bukan Islam terhadap orang-orang Islam. Artikel ini bertujuan membincangkan teori *hifz al-din* menurut *maqasid syari'ah* dan menganalisis peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang memelihara kedudukan agama Islam di Malaysia.

Konsep Hifz al-Din Menurut Maqasid Shari'ah

Hifz al-din merupakan gabungan dua perkataan iaitu *hifz* dan *al-din* yang mempunyai makna yang berbeza dan kemudiannya apabila digabungkan terbentuk sebuah istilah.

Hifz yang berasal daripada perkataan *hafaza* membawa maksud memelihara dan menjaga (*sanahu wa harisahu*) (al-Mu'jam al-Wasit 2011). Penggunaan perkataan *hifz* dalam al-Quran membawa maksud pelbagai bentuk pemeliharaan seperti firman Allah SWT dalam surah al-Saffat;

﴿وَحِفْظًا مِّنْ كُلِّ شَيْطَانٍ مَّارِدٍ﴾

Maksudnya, "Dan (Kami pelihara urusan langit itu) dengan serapi-rapi kawalan dari (masuk campur) tiap-tiap syaitan yang derhaka" (al-Quran. Al-Saffat: 7).

Firman Allah SWT dalam surah Fussilat;

﴿فَقَضَاهُنَّ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ فِي يَوْمَيْنِ وَأَوْحَىٰ فِي كُلِّ سَمَاءٍ أَمْرَهَا وَزَيَّنَّا السَّمَاءَ الدُّنْيَا بِمَصَابِيحٍ وَحِفْظًا ذَلِكَ تَقْدِيرُ الْعَزِيزِ الْعَلِيمِ﴾

Maksudnya, "Lalu Dia menjadikannya tujuh langit, dalam dua masa; dan Dia memberitahu kepada tiap-tiap langit akan urusan dan keperluannya masing-masing. Dan Kami hiasi langit yang dekat (pada pandangan mata penduduk bumi) dengan bintang-bintang yang bersinar cemerlang serta memelihara langit itu dengan sebaik-baiknya. Demikianlah ketentuan Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengetahui" (al-Quran. Fussilat: 12).

Seterusnya, Allah SWT berfirman dalam surah al-Nur;

﴿قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَعْضُوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَلِكَ أَرَكِي لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ حَبِيرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ﴾

Maksudnya, "Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka; sesungguhnya Allah Amat Mendalam Pengetahuannya tentang apa yang mereka kerjakan" (al-Quran. Al-Nur: 30).

Menurut al-Qurtubi (2006), “*hifzan*” membawa maksud Allah SWT memelihara dengan sebenar-benarnya. Ayat 7 surah al-Saffat merujuk kepada pemeliharaan langit daripada syaitan yang derhaka yang terdiri daripada jin dan manusia. Ayat 12 daripada surah al-Fussilat merujuk kepada pemeliharaan langit daripada syaitan yang suka mencuri keputusan di langit dengan merejam syaitan menggunakan bintang-bintang di langit. Ayat 30 surah al-Nur “*yahfazu*” membawa maksud memelihara kemaluan dengan menutupinya atau daripada zina. Secara umumnya, dasar perkataan *hifz* daripada ketiga-tiga ayat ini kesemuanya membawa maksud memelihara.

Al-din dari segi bahasa bermaksud ketaatan dan kepatuhan (*al-ta'ah wa al-inqiyad*). Dari segi istilah umum *al-din* bermaksud perkara yang diyakini dan dipercayai oleh manusia dari perkara-perkara yang ghaib dan boleh disaksikan. Dari segi istilah Islam pula bermaksud menyerah dan patuh kepada Allah SWT Selain itu, *al-din* juga bermaksud *millah* atau agama Islam dan aqidah tauhid, yang merupakan agama semua para rasul dari Adam dan Nuh hinggalah kepada penutup segala Nabi Muhammad SAW. (al-Seqaf et al., 2011). *al-Din* menurut al-Quran membawa pelbagai maksud. kebanyakan daripadanya merujuk kepada agama Islam. Firman Allah SWT dalam surah Ali Imran:

﴿إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ﴾

Maksudnya, “*Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam*” (al-Quran. Ali Imran: 19).

Seterusnya, firman Allah SWT dalam surah Ali Imran juga;

﴿وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ﴾

Maksudnya, “*Dan sesiapa yang mencari ugama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan dia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi*” (al-Quran. Ali ‘Imran: 85).

Allah SWT berfirman dalam surah al-Ma’idah:

﴿...الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا...﴾

Maksudnya, “*Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu*” (al-Quran. Al-Ma’idah: 3).

Menurut Ibn Kathir (1999), “*al-din*” dalam ayat 19 surah Ali Imran merujuk kepada agama Islam. Satu-satunya agama yang diterima di sisi Allah SWT ialah agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW. Begitu juga dalam ayat 85 surah *Ali Imran*, orang yang menuruti agama selain Islam merupakan golongan yang rugi. Menurut al-Qurtubi (2006) yang memetik pandangan Ibn Abbas dan majoriti ulama, perkataan “*dinakum*” pada ayat 3 surah al-Ma’idah merujuk kepada syariat yang diwajibkan atau pandangan lain bermaksud sebahagian besar kewajipan, halal dan haram.

Perkataan seterusnya “*al-Islam*” dalam ayat yang sama merujuk kepada keredaan Allah SWT terhadap agama Islam. Al-Qurtubi (2006) menambah pendapat lain iaitu Allah SWT meredhai hambanya yang melaksanakan syariat agama iaitu Islam. Ketiga-tiga ayat ini mentafsirkan perkataan *al-din* merujuk kepada agama Islam.

Hifz al-din didefinisikan sebagai satu pemeliharaan agama dengan menetapkan rukun-rukun dan hukum-hakam agama dalam kehidupan dan kewujudan manusia serta usaha untuk menghindari perbuatan yang bertentangan dengan agama seperti *bid'ah*, kekufuran, syirik dan seumpamanya (al-Khadimi 2006).

Imam al-Shatibi (1997) menegaskan bahawa *hifz al-din* tidak membawa maksud kebebasan berakidah malah disyariatkan hukuman hudud bagi pesalah murtad bertujuan bagi memelihara agama Islam. *Hifz al-din* juga bermaksud pemeliharaan kepada agama Islam sahaja, tidak bermaksud semua agama dipelihara di bawah *maqasid hifz al-din* yang

dibawa Islam. Ia tidak mencakupi kebebasan beragama yang diperuntukkan di bawah hak asasi manusia. Justeru, jauh sekali *maqasid* ini memberikan kebebasan kepada umat Islam untuk menukarkan agama jika ia mencangkupi kebebasan beragama.

Dalam aspek perundangan Islam, agama dipelihara dengan adanya hukuman bagi kesalahan murtad. Ia merupakan perbuatan keji yang mencemari kesucian agama Islam. Perbuatan ini dimurkai oleh Allah SWT sebagaimana firmanNya dalam surah al-Baqarah;

﴿وَمَنْ يَرْتَدِدْ مِنْكُمْ عَنْ دِينِهِ فَيَمُتْ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولَئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ﴾

Maksudnya, “Dan sesiapa antara kamu yang murtad (berpaling tadah) daripada agamanya (Islam), lalu dia mati sedang dia tetap kafir, maka orang-orang yang demikian, rosak binasalah amal usahanya (yang baik) di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah ahli neraka, kekal mereka dalamnya (selama-lamanya)” (al-Quran. Al-Baqarah: 217).

Allah SWT memerintahkan supaya seorang Muslim yang berpaling daripada Islam dikenakan hukuman hudud. Pesalah tersebut diperintahkan untuk segera bertaubat dan diberi amaran bunuh jika enggan bertaubat. Pada tahap terakhir, jika pesalah tidak bertaubat, dia boleh dijatuhkan hukuman bunuh sebagaimana sabda Nabi SAW. daripada Ibn Abbas:

{مَنْ بَدَّلَ دِينَهُ فَاقْتُلُوهُ}

Maksudnya, “Barang siapa yang berpaling daripada agamanya, maka bunuhlah dia” (Hadis. Al-Bukhariyy. Kitab Al-Jihad Wa Al-Sir. Bab La Yu‘azzibu Bi‘azabillah. 3017).

Hifz al-Din Dalam Perlembagaan Madinah

Ketika pemerintahan Rasulullah SAW. di Madinah, Baginda memelihara agama Islam dengan menggubal Perlembagaan Madinah. Beberapa contoh peruntukan Piagam Madinah adalah seperti Fasal 20 menegaskan agar umat Islam tetap pada jalan Allah SWT:

“Orang-orang mukmin lagi bertaqwa hendaklah teguh di atas sebaik-baik petunjuk dan seteguh-teguhnyanya”.

Beberapa fasal memperuntukkan perlindungan bagi kafir *dhimmi* agar mereka tetap patuh kepada pemerintahan Islam. Peraturan kafir *dhimmi* terhadap pemerintahan Islam diperkukuhkan lagi dengan adanya *aqd dhimmah*. Perjanjian ini melarang mereka mendirikan rumah ibadat di kawasan umat Islam dan mengamalkan agama secara terbuka sehingga menyakiti perasaan umat Islam. Sebagai contoh, jika mereka membunyikan loceng keagamaan atau meminum arak secara terang terangan, mereka boleh dikeluarkan ke kawasan berhampiran negara kafir secara baik atau paksaan (al-Mawardi, 2006).

Sedangkan perbuatan menyinggung perasaan umat Islam sahaja dilarang, maka adalah mustahil bagi kafir *dhimmi* boleh menyebarkan agama mereka kepada umat Islam sehingga menggugat aqidah dan mencemarkan kesucian agama Islam. Sungguhpun begitu, jika perkara tersebut berlaku, pesalah berkenaan sudah pasti akan dikenakan hukuman yang keras.

Demi menjaga kepentingan agama, Islam menuntut agar kezaliman, dosa atau kerosakan ditentang walaupun ia berlaku dalam kalangan orang Islam. Sejak zaman Rasulullah SAW. lagi perkara ini secara umumnya telah ditegah melalui perlembagaan. Fasal 13 Perlembagaan Madinah yang memperuntukkan:

“Bahawa orang-orang yang beriman lagi bertaqwa, hendaklah menentang sesiapa yang membuat kesalahan, melanggar kesusilaan, melakukan kezaliman, atau dosa atau perseteruan, atau kerosakan di kalangan orang-orang beriman, dan mereka hendaklah bersatu sama-sama menentang orang tersebut walaupun jika orang itu adalah anak kepada salah seorang daripada mereka.”

Perkara ini merangkumi semua kesalahan jenayah, penindasan, akhlak dan penyelewengan akidah dalam kalangan orang Islam sendiri. Ajaran sesat juga membawa kerosakan kepada kesucian agama Islam. Maka ia perlu dipelihara dengan menetapkan undang-undang, hukuman atau diperangi.

Demi menjaga kesucian agama, umat Islam diperintahkan berjihad dan berperang dengan membelanjakan harta dan mempertaruhkan nyawa. Dalam negara Islam, bukan sahaja umat Islam yang diperintahkan berperang, malah kafir *dhimmi* juga diperintahkan berperang bagi mempertahankan negara Islam memerangi kafir *harbi*. Fasal 24 Perlembagaan Madinah menyatakan:

“Bahawa orang-orang Yahudi hendaklah turut berbelanja bersama-sama dengan orang-orang mukmin selama mana mereka itu berperang.”

Oleh itu, berdasarkan perundangan Islam yang telah diaplikasi sejak pemerintahan Rasulullah SAW., dapatlah disimpulkan bahawa pemeliharaan agama atau *hifz al-din* merujuk kepada agama Islam. Ia mesti dipelihara dengan bersungguh-sungguh bersama-sama ketetapan undang-undang yang selari dengan tujuan syarak. Setiap peraturan, hukum-hakam dan hukuman yang ditetapkan menjamin aqidah umat Islam tidak diseleweng dan kesucian agama Islam terpelihara sehingga akhir zaman.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang berbentuk analisis kandungan. Data dikumpul menggunakan kaedah analisis dokumen yang terdiri daripada dalil-dalil syarak, statut, kes, tesis dan artikel yang berkaitan. Data terkumpul dianalisis secara diskriptif dan tematik.

DAPATAN KAJIAN

Islam diberi kedudukan istimewa antara agama-agama yang lain menurut Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan Perlembagaan Persekutuan didapati memelihara kedudukan agama Islam dalam aspek pentadbiran, kehakiman, akidah serta amalan ibadah agama Islam di Malaysia.

Aspek Pentadbiran Undang-undang Islam

Islam sebagai agama dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan memberi ruang untuk pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia, walaupun dalam ruang lingkup yang terhad. Perkara 3(1) menyatakan seperti berikut:

“Agama Islam adalah agama rasmi Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian dalam Persekutuan.”

Peruntukan tersebut mengiktiraf agama Islam sebagai agama Persekutuan, namun ia tidak membenarkan pelaksanaan undang-undang Islam secara menyeluruh dalam semua aspek kehidupan manusia. Hal ini kerana peruntukan Perkara 4(1) Perlembagaan Persekutuan mengiktiraf Perlembagaan sebagai undang-undang utama Persekutuan, dan amalan undang-undang Islam adalah tertakluk kepada punca kuasa yang dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Jelasnya pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 9 Senarai II Senarai Negeri, yang memberi kuasa kepada Dewan Undangan Negeri menggubal dan meluluskan undang-undang Islam di negeri masing-masing dalam perkara berkaitan undang-undang diri yang meliputi aspek keluarga, perkahwinan, pewarisan, wakaf dan lain-lain. Bagi kesalahan yang berkaitan dengan perkara yang melanggar akidah Islam, kesalahan disabitkan dibawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri merujuk kepada punca kuasa dari senarai negeri.

Keistimewaan yang diberikan kepada agama Islam bukan sahaja pada agama rasmi negara malah raja-raja diberi kedudukan sebagai Ketua Agama Islam di negeri masing-masing untuk mengawal selia hal ehwal agama Islam tertakluk kepada undang-

undang di negeri tersebut. Kedudukan ini termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan melalui Perkara 3(2). Perkara 3(2) dan (5) yang menyatakan bahawa, bagi negeri yang tidak mempunyai raja serta bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, Yang di Pertuan Agong adalah Ketua Agama Islam bagi negeri tersebut. Yang di Pertuan Agung dilantik dalam kalangan raja-raja Melayu, berketurunan diraja dan beragama Islam.

Kemuliaan agama Islam di Malaysia diperkuatkan lagi dengan meletakkan Yang di Pertuan Agong dengan tanggungjawab memelihara kesucian agama Islam. Hal ini diperkukuhkan lagi melalui sumpah jawatan Baginda untuk memelihara agama Islam seperti yang termaktub dalam Bahagian Satu Jadual ke-Empat Perlembagaan Persekutuan: *"...Dan lagi Kami berikrar mengaku dengan sesungguhnya dan dengan sebenarnya memelihara pada setiap masa Agama Islam dan berdiri tetap di atas pemerintahan yang adil dan aman dalam Negeri"*.

Seterusnya Perkara 38(2)(b) dan 38(6)(d) Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa kepada Majlis Raja-Raja memelihara agama Islam, untuk mempersetujui atau tidak mempersetujui supaya apa-apa perbuatan, amalan atau upacara agama diperluas ke Persekutuan secara menyeluruh. Perkara 38(6)(d) menjelaskan bahawa Majlis Raja-Raja dalam menjalankan tugas tersebut adalah bertindak mengikut kuasa budi bicaranya.

Pemeriksaan amalan pendidikan ajaran Islam di Malaysia diperkukuhkan melalui Perkara 12(2) yang membenarkan wang awam di peringkat negeri masing-masing, digunakan bagi menubuhkan dan menyelenggarakan institusi-institusi agama Islam bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran agama Islam. Contohnya, penggunaan peruntukan kewangan awam negeri disalurkan kepada pembinaan masjid bertujuan menjadi tempat beribadah dan membangunkan pendidikan agama Islam dalam kalangan masyarakat.

Daripada peruntukan ini jelas menunjukkan agama Islam diutamakan berbanding agama-agama lain kerana ia dinyatakan secara khusus dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Berbanding dengan agama bukan Islam, Perlembagaan tidak menyebut secara khusus sama ada boleh atau tidak boleh bagi kerajaan menyediakan bantuan yang sama kepada institusi pendidikan agama lain (Shamrahayu, 2019).

Perkara 150 (5) memberikan pengecualian terhadap undang-undang Islam ketika pengisytiharan darurat. Fasal ini menyatakan:

"Semasa Proklamasi Darurat berkuat kuasa, Parlimen boleh, walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disenaraikan dalam Senarai Negeri (selain apa-apa perkara mengenai hukum Syarak atau adat orang Melayu), melanjutkan tempoh Parlimen atau Badan Perundangan Negeri, menggantung mana-mana pilihan raya, dan membuat apa-apa peruntukan yang berbangkit atau bersampingan dengan mana-mana peruntukan yang dibuat menurut Fasal ini".

Peruntukan tersebut secara jelas menunjukkan peranan Perlembagaan Persekutuan memelihara ketetapan hukum yang telah disyariatkan dalam agama Islam. Walaupun Parlimen diberi kuasa untuk menggubal undang-undang ketika darurat, keistimewaan yang diberikan terhadap agama Islam menjadikan hukum syarak sentiasa terpelihara, tidak tergugat walaupun dalam keadaan darurat.

Aspek Kehakiman Mahkamah Syariah

Pelaksanaan undang-undang Islam juga dipelihara dengan berlaku pindaan terhadap Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1988. Pindaan ini bertujuan menyelesaikan konflik bidang kuasa kehakiman antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah sivil yang seringkali berlaku melalui penghakiman kes-kes mahkamah sebelum 1988. Almarhum Tan Sri Prof. Dr. Ahmad Ibrahim merupakan tokoh perundangan yang mencadangkan pindaan tersebut kerana keperluannya menyelesaikan isu konflik bidangkuasa mahkamah-mahkamah dan memartabatkan kedudukan Mahkamah Syariah dalam sistem kehakiman di Malaysia.

Selepas pindaan tersebut, hal ehwal agama Islam, seperti yang dinyatakan dan hadkan oleh Perlembagaan Persekutuan, diletakkan di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Contoh kes penentuan agama orang Islam, *Lina Joy v Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan*. [2004] 2 MLJ 119 di mana dalam kes ini permohonan plaintif/Lina Joy untuk menggugurkan identiti Islam dalam kad pengenalnya telah ditolak oleh Jabatan Pendaftaran Negara kerana permohonan tersebut tidak disertakan dengan pengesahan dari mana-mana mahkamah Syariah negeri bahawa beliau telah diisytiharkan sebagai keluar agama Islam.

Justeru, Plaintif telah membuat permohonan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Hakim Faiza Tamby Chik dalam keputusannya telah menolak permohonan plaintif dengan alasan penghakiman seperti berikut:

"Plaintif tidak boleh bersembunyi di belakang peruntukan perkara 11(1) PP tanpa terlebih dahulu menyelesaikan persoalan tentang beliau yang keluar daripada agama beliau (Islam) dengan pihak berkuasa agama yang mempunyai hak untuk mengendalikan urusan agama mereka sendiri di bawah perkara 11(3)(a) PP. Memandangkan plaintif masih seorang Muslim, perkara 121(1A) memperuntukkan bahawa kemuktamadan keputusan beliau untuk keluar daripada agama Islam adalah dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah, dan bukan mahkamah sivil".

Keputusan yang sama juga dilihat dalam kes *Tongiah Jumali & Anor v Kerajaan Negeri Johor & Ors* [2004] 1 MLJ 40, Mahkamah Syariah menurut Perkara 121(1A) mempunyai bidang kuasa secara tersirat walaupun Enakmen Johor tidak mempunyai peruntukan jelas berkenaan penukaran keluar agama Islam. Peruntukan keluar agama Islam dibaca dengan anggapan wujud berdasarkan peruntukan tentang penukaran ke agama Islam.

Kedua kes tersebut adalah antara contoh keputusan kes yang menjelaskan bahawa perkara berkaitan agama Islam yang dinyatakan dalam Jadual Sembilan Senarai II Senarai Negeri, adalah termasuk di bawah bidang kuasa mahkamah Syariah, sepertimana hasrat Pindaan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan.

Aspek Memelihara Aqidah Umat Islam

Dalam aspek memelihara aqidah orang Islam di Malaysia, terdapat beberapa peruntukan perlembagaan iaitu yang berkaitan dengan hak kebebasan beragama di Malaysia. Hak kebebasan beragama tercatat pada Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan. Perkara 11(1) menyatakan:

"Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan tertakluk kepada fasal (4), mengembangkannya".

Pada perkara ini kebebasan beragama terbahagi kebebasannya kepada hak menganuti, hak mengamalkan, dan hak mengembangkan atau menyebarkan ajaran agama.

Walau bagaimanapun sekatan perundangan diwujudkan pada Perkara 11(4), yang mengawal penyebaran agama bukan Islam terhadap orang-orang Islam. Jaminan terhadap kawalan menyebarkan agama bukan Islam terhadap orang Islam diperkukuhkan dengan kewujudan akta dan enakmen kawalan pengembangan agama bukan Islam dalam kalangan orang-orang Islam, di peringkat negeri masing-masing.

Hak memilih agama atau menukar agama bagi orang Islam di Malaysia adalah selaras dengan ajaran Islam yang menghukum seseorang yang keluar agama Islam sebagai murtad. Oleh itu walaupun orang bukan Islam bebas untuk menukar agama tetapi bagi penganut agama Islam di Malaysia perbuatan meninggalkan agama Islam untuk menganut agama lain adalah suatu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman di bawah akta dan mana-mana enakmen pentadbiran agama Islam negeri-negeri.

Contohnya dalam kes *Lina Joy* [2004] 2 MLJ 119, plaintif seorang yang asalnya beragama Islam telah menuntut hak-hak beliau untuk meninggalkan agama Islam, berhubung kebebasan beragama dibawah Perkara 11(1) Pelembagaan Persekutuan dan menyatakan Seksyen 2 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan)

1993 dan Enakmen-Enakmen Negeri adalah terbatal dan tidak sah kerana tidak konsisten dengan Perkara 11(1). Permohonan plaintiff telah ditolak di mana Hakim Faiza Thamby Chik dalam penghakimannya menyatakan:

"Permohonan-permohonan plaintiff untuk perintah-perintah deklarasi lain untuk membatalkan undang-undang Negeri berkaitan undang-undang jenayah Syariah dan undang-undang Syariah yang menghalang kemurtadan telah dibatalkan kerana remeh, menyusahkan dan satu penyalahgunaan proses mahkamah kerana ia berkaitan perkara-perkara hipotesis dan tiada pengenalan peruntukan-peruntukan khusus yang dikatakan telah melanggar hak plaintiff".

Keputusan kes di atas jelas menunjukkan bahawa hal ehwal agama Islam, berkaitan penentuan agama adalah di bawah bidangkuasa mahkamah Syariah, seperti yang dinyatakan dalam Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan. Kes *Kamariah bte Ali [2006] 5 MLJ 470* yang diputuskan oleh Yang Arif Hakim Raus Sharif tiada beza iaitu berdasarkan Perkara 121(1A), mahkamah sivil tidak mempunyai kuasa ke atas isu penukaran agama orang Islam dan peruntukan khas jelas dinyatakan dibawah enakmen-enakmen negeri Terengganu berhubung perkara murtad yang merupakan bidangkuasa mahkamah syariah.

Islam memberi kebebasan kepada manusia dalam beragama. Namun, bagi penganut agama Islam, mereka dihalang untuk menukar agama kerana ia termasuk dalam kesalahan jenayah murtad yang boleh dikenakan hukuman bunuh dalam hudud. Bagi penganut agama Islam wajib memelihara kesucian agama Islam kerana perbuatan keluar daripada Islam merupakan jenayah dan hukumannya bertujuan menjaga agama Islam. Oleh itu, *hifz al-din* hanya membawa maksud memelihara agama Islam, dan teori *hifz al-din* tidak dibenarkan digunakan sebagai hujah untuk murtad.

Kebebasan beragama bagi penganut agama lain untuk memasuki agama Islam atau lain-lain agama dianggap sebagai satu wasilah bagi mencapai maqasid memelihara agama agar agama Islam dipandang mulia dengan tidak menyekat kebebasan menganuti bagi agama lain. Justeru ayat al-Qur'an berkenaan tiada paksaan dalam agama, bukan bermaksud kebenaran untuk bertukar dari agama Islam kepada agama lain, tetapi hanya menjurus kepada tiada paksaan untuk orang bukan Islam memeluk agama Islam, walaupun berada dalam negara Islam.

Contohnya dalam Perlembagaan Madinah, telah wujud peruntukan yang sedemikian, memelihara hak kebebasan beragama orang Islam dan juga hak beragama kafir dhimmi, selama mana mereka taat setia kepada pemerintah, dan tidak bersekongkol memerangi orang Islam. Hadith Nabi SAW. juga menjelaskan kebebasan menganuti agama bagi orang bukan Islam iaitu pada hadith daripada Ibn 'Abbas:

{ عن ابن عباس، قال : كانت المرأة تكون مقلاتاً، فتجعل على نفسها إن عاش لها ولد أن تهود، فلما أُجليت بنو النضير كان فيهم من أبناء الأنصار، فقالوا: لا ندع أبناءنا، فأنزل الله عز وجل: ﴿لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ﴾

Maksudnya, "Daripada Ibn 'Abbas, ia berkata: Dahulu ada seorang perempuan yang setiap kali anak yang dilahirkannya selalu meninggal, maka dia pun berjanji, kalau sekiranya nanti anaknya bisa hidup, dia akan memasukkan ke agama Yahudi. Maka ketika suku Bani Nadir telah masuk Islam, mereka masih punya anak-anak Ansar (yang masih beragama Yahudi). Mereka mengatakan: Kita tidak akan membiarkan begitu saja agama anak-anak kita. Maka Allah menurunkan ayat: "Tidak ada paksaan dalam beragama, telah jelas yang benar daripada yang sesat" (Hadis. Al-Sajastani. Bab *Fi al-Usir Yukruhu 'ala al-Islam*. 2682).

Seterusnya, Islam menyeru umatnya agar terus menyebarkan Islam di segenap pelusuk dunia. Undang-undang Malaysia juga mengambil peranan dalam memelihara agama Islam dengan memperuntukkan undang-undang yang menyekat penyebaran agama

lain kepada orang Islam. Hak kebebasan menyebarkan agama tertakluk kepada Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan. Ia memberi kuasa kepada Dewan Undangan Negeri menggubal enakmen yang mengawal aktiviti pengembangan agama bukan Islam dalam kalangan orang Islam. Sekatan ini bagi menjamin akidah umat Islam terjaga daripada jenayah murtad. Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan menyatakan:

“Undang-undang Negeri dan berkenaan dengan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, undang-undang persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam”.

Bagi sesetengah pihak, Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan didakwa kelihatan tidak adil dan mendiskriminasi orang bukan Islam kerana hak menyebarkan agama diberikan kepada orang Islam sepenuhnya, namun orang bukan Islam disekat penyebaran agamanya kepada orang Islam (Wu Min Aun, 2005). Namun demikian, undang-undang ini dapat diterima oleh orang bukan Islam yang memahami bahawa murtad adalah satu kesalahan jenayah menurut Islam (Nor Hafilah, 2007).

Tindakan pihak berautoriti menguatkuasakan undang-undang sekatan tersebut adalah untuk mencapai masalah secara umum. Masalah merupakan objektif kepada syariah. Menurut tafsiran al-Raisuni (1995), *maqasid syari'ah* adalah tujuan yang diletakkan oleh syariah untuk mencapai kemaslahatan hamba. Firman Allah S.W.T dalam surah Ali Imran, berkenaan menyebarkan Islam demi mencapai kemaslahatan dan mencegah kemungkaran:

﴿كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ آمَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ﴾

Maksudnya, *“Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasik”* (al-Quran. Ali ‘Imran: 110).

Aspek Menjamin Amalan Ibadah Umat Islam

Berdasarkan Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan, hak mengamalkan ajaran agama Islam diberikan dengan adanya cuti-cuti umum untuk hari kebesaran dan peristiwa agama Islam. Dengan ini, umat Islam boleh meraikan hari kebesaran dengan mengadakan sambutan, program-program keagamaan dan aktiviti kepada masyarakat. Cuti-cuti umum yang diberikan antaranya sempena Maulidurrasul, Nuzul Quran, Isra' Mikraj, Maal Hijrah, awal Zulhijjah, awal Ramadan, Hari Raya Aidil Fitri dan Aidil Adha.

Laungan azan, khutbah Jumaat setiap minggu, ceramah-ceramah agama yang berkumandang dari masjid dan surau dibenarkan. Ia tidaklah melanggar undang-undang dan mengganggu ketenteraman masyarakat kerana dilaksanakan khusus kepada umat Islam kerana perlu mengikut garis panduan yang ditetapkan. Semua ini bertujuan memantapkan aqidah orang Islam untuk terus taat kepada ajaran agama Islam.

Tingkah laku, juga mendapat kawalan dari sudut undang-undang seperti Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan tersebut memberikan hak kepada pihak berkuasa negeri untuk menggubal undang-undang berkaitan agama Islam dalam Jadual Ke Sembilan Senarai Negeri.

Contohnya aktiviti-aktiviti seks bebas dalam kalangan orang Islam dikawal dengan wujud Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri yang mendapat punca kuasa dari Jadual ke 9, Senarai II Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Kesalahan ini merupakan jenayah syarak individu didakwa atas kesalahan berhubung kesusilaan di

bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri. Ia termasuklah kesalahan perbuatan sumbang mahram, pelacuran, muncikari, persetubuhan luar nikah, persediaan persetubuhan luar nikah, liwat, musahaqah, khalwat, dan perbuatan tidak sopan di tempat awam.

PENUTUP

Memelihara agama adalah satu tuntutan bagi umat Islam bagi menegakkan syiar dan perintah Allah SWT Islam mempunyai kedudukan yang istimewa disisi Perlembagaan Persekutuan namun hak beragama bagi agama lain tidak dinafikan. Kebebasan beragama diberikan kepada semua penganut bersama sekatan bagi memelihara agama Islam. Selagimana ia tidak bertentangan dengan syariat maka ia selari dengan teori *hifz al-din*.

Undang-undang yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan hal ehwal agama Islam adalah mematuhi *maqasid syari'ah* iaitu membawa kepada pemeliharaan agama (*hifz al-din*). Terdapat peruntukan khusus seperti menghalang penyebaran agama bukan Islam dalam kalangan orang Islam yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia adalah bertujuan untuk mencapai masalah kepada agama Islam atau mencegah kemudharatan yang akan berlaku ke atas agama Islam. Oleh itu, ia tidak bertentangan dengan teori *hifz al-din* menurut *maqasid syari'ah*.

Kesimpulannya, peruntukan tentang kebebasan beragama tidak perlu menjadi pertikaian kerana ia telah dikhususkan oleh peruntukan-peruntukan lain yang bertujuan memelihara kesucian agama Islam. Perkara 11 perlu dibaca bersama peruntukan-peruntukan yang saling berkaitan bersama tafsiran-tafsiran yang tepat berkenaan hal ehwal agama Islam.

Pemeliharaan terhadap agama Islam melalui Perlembagaan Persekutuan menjadikan Islam sebagai agama rahmat kerana mengutamakan Islam di samping menjaga hak-hak golongan bukan Islam untuk mengamalkan agama mereka. Agama Islam akan terpelihara jika peruntukan ini ditafsirkan dengan tepat menurut kehendak Islam dan penambahbaikan sentiasa dilakukan demi menegakkan ajaran Islam dengan sempurna.

PENGHARGAAN

Ucapan penghargaan kepada geran penyelidikan bertajuk "*Prinsip Interaksi Non-Muslim di Malaysia Berdasarkan Maqasid Syariah*" (GGP-2017-012)

RUJUKAN

- Ahmad Ibrahim. 1989. *The Amendment Of Article 121 Of The Federal Constitution: Its Effect On Administration Of Islamic Law*. Dlm. Farid Sufian Shuaib, Tajul Aris Ahmad Bustami & Mohd Hisham Mohd Kamal (pnyt.). *Administration of Islamic Law in Malaysia, Text and Material*, hlm. 94. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.
- al-Bukhari, Abdullah Muhammad bin Ismail. 2002. *Sahih al-Bukhari*. Edisi pertama. Damsyik: Dar Ibn Kathir.
- al-Khadimi, Nuruddin Mukhtar. 2006. *Ilm al-Maqasid al-Syariah*. Edisi pertama. Europe: Maktabah al-Obekan.
- al-Mawardi, Abu al-Hassan Ali bin Muhammad bin Habib al-Basari. 2006. *al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- al-Qurtubi, Abi Abdillah Muhammad Ahmad Abi Bakr. 2006. *al-Jami' Li Ahkam al-Quran*. Edisi pertama. Beirut, Lebanon: al-Resalah Publisher.
- al-Raisuni, Ahmad. 1995. *Nazariyat al-Maqasid 'Inda al-Imam al-Syatibi*. Edisi keempat. Herndon, Virginia: The International Institute of Islamic Thought.
- al-Sajastani, al-Imam al-Hafiz Abi Daud Sulaiman bin al-Ash'as al-Azdi. 2009. *Sunnan Abi Daud*. Edisi khas. Damsyik: Dar al-Risalah al-^cAlamiyah.
- al-Shatibi, Abu Ishaq Ibrahim bin Musa Bin Muhammad al-Khamiyy. 1997. *al-Muafaqat*. Edisi pertama. al-Mamlakah al-^cArabiah al-Sa^cudiah: Dar Ibn al-^cAffan.
- Ibn Kathir, Ismail bin Umar bin Kathir al-Qurayshi al-Damshiqi Abu al-Fida' Imad al-Din.

1999. *Tafsir al-Quran al-Azim*. Edisi kedua. Jilid 1. t.tp.: Dar Taiyyibah.
- Shamrahayu A. Aziz. 2019. *Islam dalam Perlembagaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: IKIM Press.
- t.n. 2011. *al-Mu'jam al-Wasit*. Edisi kelima. Kaherah: Maktabah al-Syuruq al-Duwaliyyah.
- Wu Min Aun. 2005. *The Malaysian Legal System*. Edisi ketiga. Kuala Lumpur: Pearson, Longman.

Jurnal

- Ahmad Ibrahim. 1989. *The Amendment of Article 121 of The Federal Constitution: Its Effect on Administration of Islamic Law*. *Malayan Law Journal* 2: xvii-xix.
- Nor Hafilah Musa. 2007. *Undang-Undang Kawalan Penyebaran Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam*. Kertas Kerja Persidangan Tuanku Jaafar. Anjuran Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia. 21&22 Ogos.
- Shamrahayu A.Aziz. 2011. *Teori dan Realiti Kebebasan Beragama dalam Perlembagaan Persekutuan*. Kertas Kerja Seminar Pemahaman Kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan. Anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Malaysia. 10 Oktober.

Akta dan Perlembagaan

- Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993
- Perlembagaan Madinah.
- Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957.

Enakmen

- Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1955.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Internet

- al-Seqaf, Sheikh Alwi Ibn Abd al-Qadir. *Ta'arif al-Adyan Lughatan wa Istilahan*. Maudu'ah al-Milal wa al-Adyan. <http://lib.efatwa.ir/46158/1/0> (diakses pada 28 September 2019).

Kes

- Kamariah bte Ali [2006]. 5 MLJ 470.
- Lina Joy v Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. [2004] 2 MLJ 119.
- Tongiah Jumali & Anor v Kerajaan Negeri Johor & Ors. [2004] 1 MLJ 40.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.